ANALISIS TERMINOLOGI PERPECAHAN DARI PERSPEKTIF HADIS

TERMINOLOGY ANALYSIS OF DISUNITY FROM THE PERSPECTIVE OF HADITH

Ahmad Izzuddin Abu Bakar
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: +60179771842, E-Mel: izzuddin@usim.edu.my

ABSTRAK

Perpecahan merupakan isu *evergreen* yang berkumandang di kalangan masyarakat Islam khususnya apabila berlaku peristiwa tertentu seperti Pilihanraya Umum (PRU) dan pertembungan Israel-Palestin. Perkara ini dapat dilihat dan dirasai di dalam media sosial dan perbualan orang ramai. Walaubagaimanapun, wujud kekaburan mengenai maksud sebenar perpecahan yang dilarang oleh agama. Sekiranya ada yang mendakwa orang itu memecah belahkan umat, dia akan menafikan perbuatannya dengan pelbagai alasan. Oleh sebab itu, kajian ini akan menganalisis perkara-perkara yang dikategorikan sebagai perpecahan menurut Hadis Nabawi. Metode yang digunakan adalah kaedah kualitatif dari jenis analisis kandungan. Hadis-hadis yang mengandungi perkataan perpecahan akan dianalisis berpandukan kitab syarah yang muktabar. Dapatan merumuskan empat perkara yang dianggap sebagai perbuatan memecahbelahkan masyarakat dan negara. Pertama: perbezaan di dalam akidah atau usul agama; kedua: tidak berpandukan kepada petunjuk dan dalil daripada al-Quran dan Hadis di dalam iktikad dan amalan; ketiga: perbezaan pandangan yang membawa kepada perbalahan dan permusuhan dan keempat: melawan pemerintah secara bersenjata atau memberontak atau dinamakan di dalam ilmu fekah sebagai *khuruj*.

ABSTRACT

Disunity is an evergreen issue that reverberates among the Muslim community, especially when certain events such as the General Election and the Israeli-Palestinian conflict occur. This can be seen and felt in social media and public conversations. However, there is ambiguity on the true meaning of the disunity prohibited by religion. If someone accuses the person of disuniting the people, he will deny his actions for various reasons. Hence, this study will analyze the things that are categorized as disunity according to the Prophetic Hadith. The method used is a qualitative method, specifically content analysis. The hadiths that contain the word disunity will be analyzed based on the authoritative commentaries books. The findings summarize four things that are considered as an act of disuniting society and the country. First: differences in religious beliefs or propositions; second: not guided by the guidance and evidence from the Quran and Hadith in faith and practice; third: a difference of opinion that leads to contention and enmity and fourth: fighting the government using weapons or rebelling or as named in jurisprudence as *khuruj*.

Kata **Kunci**: Perpecahan, Hadis, Definisi Perpecahan, Perpecahan Menurut Hadis.

Keywords: Disunity, Hadith, Definition of Disunity, Disunity According to Hadith.

Pendahuluan

Perpecahan merupakan isu *evergreen* yang sering berkumandang di kalangan masyarakat Islam di negara ini. Ramai yang berpendapat bahawa ia wujud di pelbagai peringkat seperti agama, politik dan ekonomi. Perdebatannya menjadi hangat apabila berlaku peristiwa tertentu seperti Pilihanraya Umum (PRU), konflik Israel dan Palestin, monopoli ekonomi oleh bukan Islam dan lain-lain. Perkara ini dapat dilihat dan dirasai di dalam media sosial, perbualan orang ramai dan ucapan pemimpin yang disiarkan di dalam media massa.

Seperti yang dimaklumi, terlalu banyak nas-nas agama yang menegah perbuatan tersebut. Al-Ajurri (1950) berkata: "Allah Azzawajalla memerintahkan supaya bersama jemaah dan melarang kita akan perpecahan. Begitu juga Nabi SAW memberi amaran kepada kita akan perpecahan dan menyuruh kita bersama jemaah. Begitu juga imam-imam kita dari kalangan *Salaf* ulama-ulama Islam, kesemua mereka menyuruh supaya bersama jemaah dan melarang perpecahan".

Walaubagaimanapun, timbul persoalan tentang maksud perpecahan seperti yang dikehendaki oleh syarak. Adakah ia bermaksud keengganan mencapai kata sepakat dan duduk di dalam satu wadah?. Adakah ia bermaksud tindakan membesar-besarkan masalah *khilafiyyah* di dalam hukum fekah?. Malah sekiranya ada yang mendakwa orang itu memecah belahkan umat, dia akan menafikan perbuatannya adalah perpecahan dengan pelbagai justifikasi dan alasan.

Oleh yang demikian, artikel ini akan meninjau seterusnya mengeluarkan perkara-perkara yang dinyatakan sebagai perpecahan menurut Hadis. Metode yang digunakan adalah kaedah kualitatif dari jenis analisis kandungan. Hadis-hadis yang mengandungi perkataan perpecahan akan dianalisis. Syarah atau huraian yang muktabar akan dirujuk untuk menentukan maksud perpecahan yang sebenar.

Maksud Perpecahan Dari Sudut Bahasa

Hadis-hadis menggunakan dua Kata Kerja bagi memaksudkan "perpecahan" iaitu افترق dan تفرق. Selain daripada "berpecah belah", ia juga boleh diterjemahkan sebagai berbilang-bilang, berbeza-beza, dipisah-pisahkan, berasingan dan seumpamanya (Ahmad Mukhtar Umar, 2008). Contoh penggunaannya di dalam al-Quran antaranya:

وَٱعْتَصِمُواْ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُواْ (آل عمران: 103).

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai (Ali Imran: 103).

يَا صَاحِبَيِ السِّجْنِ أَأَرْبَابٌ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ اللَّهُ الْوَاحِدُ الْقَهَّارُ (يوسف: 39).

Wahai sahabatku berdua yang sepenjara, adakah tuhan yang berbilang-bilang lebih baik atau Allah Tuhan Yang Maha Esa lagi Maha Kuasa? (Yusuf: 39).

Penggunaannya di dalam hadis antaranya:

عَنْ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: البَيِّعَانِ بِالخِيَارِ مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا، -أَوْ قَالَ: حَتَّى يَتَفَرَّقَا- فَإِنْ صَدَقَا وَبَيَّنَا بُورِكَ لَهُمَا فِي بَيْعِهِمَا، وَإِنْ كَتَمَا وَكَذَبَا مُحِقَتْ بَرَكَةُ بَيْعِهِمَا (رواه البخاري).

Daripada Hakim bin Hizam RA, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: penjual dan pembeli mempunyai khiyar selagi mana kedua-duanya tidak berpisah -atau dia (perawi) berkata: sehingga kedua-duanya berpisah-. Jika kedua-duanya benar dan memberitahu, diberkati ke atas jual beli mereka. Jika kedua-dua menyembunyikan dan berbohong, berkurangan berkat jual beli mereka (al-Bukhari, 2016).

Penggunaannya di dalam kata-kata Sahabat Nabi SAW iaitu Abdullah bin Mas'ud RA:

عَنْ عَبْدِ اللهِ، أَنَّهُ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمِنًى رَكْعَتَيْنِ، وَمَعَ أَبِي بَكْرٍ، وَعُمَرَ، فَلَيْتَ حَظِّي مِنْ أَرْبَعٍ رَكْعَتَانِ مُتَقَبَّلَتَانِ (رواه أحمد).

Daripada Abdullah RA, beliau berkata: aku bersolat dengan Nabi SAW dua rakaat, dengan Abu Bakar RA dua rakaat, dengan Umar RA dua rakaat, kemudian kamu mengambil jalan masing-masing. Kalaulah Allah menerima bahagianku daripada empat rakaat itu hanya dua rakaat (Aḥmad, 2001).

Penggunaannya di dalam kata-kata orang Arab:

تفرق القوم: تباعدوا، تشتتوا، ذهب كل منهم في اتجاه، عكسه تجمعوا

Sesuatu kaum itu "tafarraqa": saling berjauhan, berselerak, setiap mereka ke arah yang lain, lawannya berhimpun (Ahmad Mukhtar Umar, 2008).

تفرق الشيء: انقسم إلى جزأين أو إلى تصنيفين

Sesuatu benda itu "tafarraqa": benda itu terbahagi kepada dua bahagian atau dua jenis (Ahmad Mukhtar Umar, 2008).

تَفَرَّقَتْ كَلِمَتُهُمْ : اِخْتَلَفَتْ

Kalimah mereka "tafaraqa": pandangan/keputusan mereka berbeza (Ahmad Mukhtar Umar, 2000).

Sebahagian ahli bahasa berpendapat "tafarraqa" dan "iftaraqa" adalah sama. Sebahagian pula berkata: "tafarraqa" berlaku pada tubuh badan dan "iftaraqa" pula berlaku pada lisan atau kata-kata. Disebutkan di dalam kamus-kamus ekabahasa Arab:

فَرَقْت بين الكلامين فافترقا، وفَرَّقْت بين الرجلين فتفرقا

Engkau telah memisahkan di antara dua kata-kata, maka ia telah "iftaraqa". Engkau telah memisahkan di antara dua orang, maka ia telah "tafaraqa" (Ibnu Manzur, 2010).

Berdasarkan kepada apa yang telah diterangkan, perkataan ini mempunyai konotasi positif dan negatif. Positif jika ia menggambarkan seseorang itu meninggalkan sesuatu dan sebagainya.

Manakala negatif jika ia menggambarkan keadaan berjauhan dan terpisah di antara dua pihak kerana perbalahan.

Maksud Perpecahan Dari Perspektif Hadis

Untuk mengeluarkan maksud perpecahan dari perspektif hadis, kajian akan melihat pandangan-pandangan sarjana yang menghuraikan hadis-hadis yang mengandungi perkataan افترق dan تفرق. Selepas pembacaan yang teliti, terdapat empat maksud yang boleh dikemukakan:

Pertama: perbezaan di dalam akidah atau usul agama. Ini dapat difahami daripada hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: افْتَرَقَتِ الْيَهُودُ عَلَى إِحْدَى أَوْ ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، وَتَفَرَّقَتِ النَّصَارَى عَلَى إِحْدَى أَوْ ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، وَتَفْتَرِقُ أُمَّتِي عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً (رواه أبو داود).

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata: Rasulullah SAW bersabda: Yahudi telah berpecah kepada tujuh puluh satu atau tuju puluh dua kumpulan, Kristian berpecah kepada tujuh puluh satu atau tuju puluh dua kumpulan, dan umatKu akan berpecah kepada tujuh puluh tiga kumpulan (Abū Dāwūd, 1999).

Berdasarkan kepada hadis, umat Islam akan berpecah dengan menuruti agama Yahudi dan Kristian. Bilangannya mencapai tujuh puluh tiga kumpulan yang mana ia lebih besar berbanding sebelumnya. Timbul kemusykilan mengenai perpecahan yang dikehendaki?. Abdul Qahir al-Baghdadi (1977) menjawab bahawa ulama-ulama ilmu *al-Firaq* berpendapat Nabi SAW tidak memaksudkan kumpulan-kumpulan yang keji ini adalah orang yang berbeza pendapat dalam cabang-cabang fekah mengenai halal-dan haram, akan tetapi ia dimaksudkan orang yang menyalahi golongan yang benar pada usul tauhid dan pada menilai baik dan buruk.

Beberapa ulama dilihat bersetuju dengan pandangan ini. Al-Sindi (2003) telah menghuraikan tambahan matan "satu kumpulan di dalam syurga dan tujuh puluh dua kumpulan di dalam neraka" (وَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ). Katanya, yang dimaksudkan adalah mereka di dalam neraka kerana perbezaan akidah. Khalil Ahmad al-Sarahanpuri (2006) turut menyokong dengan berkata, yang dimaksudkan dengan perpecahan ini adalah perpecahan keji yang berlaku pada usul agama.

Kedua: tidak berpandukan kepada petunjuk dan dalil daripada al-Quran dan Hadis di dalam iktikad dan amalan. Ini berdalilkan kepada hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ اللهَ يَرْضَى لَكُمْ ثَلَاثًا، وَيَكْرَهُ لَكُمْ ثَلَاثًا، فَيَرْضَى لَكُمْ: أَنْ تَعْبُدُوهُ، وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا، وَأَنْ تَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا، وَيَكْرَهُ لَكُمْ: قِيلَ وَقَالَ، وَكَثْرَةَ السُّؤَالِ، وَإِضَاعَةَ الْمَالِ (رواه مسلم).

Daripada Abu Hurairah, beliau berkata, Nabi SAW bersabda: sesungguhnya Allah meredai kamu pada tiga perkara dan membenci kamu pada tiga perkara. Dia meredai kamu dengan

kamu menyembahNya, kamu tidak mensyirikanNya dengan sesuatu pun dan ‘kamu berpegang teguh dengan tali Allah kesemuanya dan tidak berpecah belah. Dia membenci kamu kerana *qila waqala*, banyak bertanya dan mensia-siakan harta (Muslim, 2006).

Ibnu al-Muzayyin (1996) telah menghuraikan hadis ini di dalam kitabnya al-Mufhim Lima Ushkila Min Talkhis Sahih Muslim. Maksud ayat “Dan jangalah kamu berpecah belah” ialah bersatulah di atas pegangan teguh dengan al-Quran dan Sunnah pada iktikad dan amalan. Beliau menyambung, maka bersepakatlah kalimah kamu dan tersusunlah cerai berai kamu, lalu sempurnalah bagi kamu kepentingan dunia dan agama, dan kamu terselamat daripada perselisihan dan perpecahan yang berlaku pada orang yang terkena ujian.

Ketiga: perbezaan pandangan yang membawa kepada perbalahan dan permusuhan. Dalilnya:

عَنْ جُنْدَبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اقْرَءُوا القُرْآنَ مَا ائْتَلَفَتْ قُلُوبُكُمْ، فَإِذَا اخْتَلَفْتُمْ فَقُومُوا عَنْه (رواه البخاري).

Daripada Jundab bin Abdullah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: bacalah al-Quran selagi mana hati-hati kamu bersatu. Jika kamu berselisih maka bangunlah daripadanya (al-Bukhari, 2016).

Nabi SAW melarang membaca al-Quran jika ia membawa perbalahan seterusnya perpecahan di kalangan orang Islam. Ramai sarjana menyatakan maksud ini di dalam kitab-kitab syarah. Tokoh terkemuka Imam al-Nawawi (2009) menyenaraikan jenis-jenis perselisihan yang mewajibkan seseorang itu meninggalkan bacaan. Antaranya beliau menyebut “perselisihan yang menghasilkan syak, keraguan, *fitnah* (kacau bilau, perbalahan dan sebagainya), perbantahan, dan perbalahan. Ibnu Hajar al-‘Asqalani (2011) menegaskan makna ini dengan berkata: jika kamu berselisih yakni pada memahami makna-maknanya, maka bangunlah yakni bersurailah supaya perselisihan tidak membawa kamu kepada keburukan.

Keempat: melawan pemerintah secara bersenjata atau memberontak atau *khuruj*.

عَنْ زِيَادِ بْنِ عِلَاقَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ عَرْفَجَةَ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: إِنَّهُ سَتَكُونُ هَنَاتٌ وَهَنَاتٌ، فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يُفَرِّقَ أَمْرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ وَهِيَ جَمِيعٌ، فَاضْرِبُوهُ بِالسَّيْفِ كَائِنًا مَنْ كَانَ (رواه مسلم).

Daripada Ziyad bin ‘Ilaqah, beliau berkata: aku mendengar ‘Arfajah berkata: aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: sesungguhnya akan ada kejahatan dan kerosakan, maka sesiapa yang mahu memecah belahkan urusan umat ini dalam keadaan ia bersatu, maka pukullah dia dengan pedang walau siapa pun dia (Muslim, 2006).

Hadis ini melarang individu atau pihak yang ingin memberontak ke atas kerajaan yang sedia ada untuk menaikkan kerajaan yang lain. Istilah fekah menamakannya sebagai *Khuruj* yang dari sudut bahasa bermaksud keluar. Hukuman kepada pemberontak adalah bunuh. Perkara ini kerana ia boleh mengakibatkan kacau bilau dan peperangan yang memudaratkan dalam skala yang besar. Siapa sahaja akan terkesan samada pihak yang kalah atau yang menang. Dahulu kala pepatah Melayu menyebut kalah jadi debu menang jadi arang yang bermaksud kedua-duanya akan menanggung rugi dan memperolehi apa-apa keuntungan. Imam al-Nawawi (2009) berkata: padanya perintah supaya memerangi orang yang *khuruj* ke atas pemimpin, atau mahu memecah belahkan kalimah muslimin dan seumpamanya, dan melarang akan demikian itu, jika

dia tidak berhenti hendaklah dibunuh jika tidak dapat ditahan kejahatannya melainkan dengan dibunuh. Al-Muzhiri (2012)di dalam huraiannya berkata: *al-Hanat* adalah penyebab kejahatan yakni akan muncul di atas muka bumi *al-Fitnah* (kacau bilau), kerosakan dan seseorang akan menuntut kepimpinan di segenap sudut. Maka hendaklah pemimpin itu satu. Sesiapa yang mahu menyingkirkan pemimpin yang mula-mula dan mahu mengambil kepimpinan maka hendaklah kamu membunuhnya.

PERBEZAAN DI ANTARA PERBEZAAN PENDAPAT DAN PERPECAHAN

Perbezaan di antara perbezaan pendapat dan perpecahan merupakan perkara yang sangat mustahak. Ini kerana yang pertama diharuskan oleh syarak manakala yang kedua diharamkan dengan tegas dan keras. Para Sahabat RAM berbeza pendapat di dalam hukum hakam fekah dan masalah-masalah agama akan tetapi mereka sekali-kali tidak berpecah belah. Al-Syatibi berkata: kami dapati sahabat-sahabat Rasulullah SAW selepas Baginda berbeza pendapat di dalam hukum hakam agama dan mereka tidak berpecah belah dan mereka tidak berpuak-puak, kerana mereka tidak menjauhi agama, akan tetapi mereka berbeza pada perkara yang diizinkan dengan ijtihad pada akal dan istinbat daripada al-Quran dan Sunah pada perkara yang mereka tidak dapati nas. Dalam masa yang sama, perkataan *tafarruq* atau *iftiraq* (pepecahan) dan *ikhtilaf* (perbezaan) selalunya digandingkan bersama-sama di dalam nas-nas syarak. Oleh yang demikian perbezaan di antara dua istilah perlu ditentukan supaya kefahamannya lebih jelas. Berikut adalah perbezaannya seperti yang dinyatakan oleh sarjana:
Pertama: perbezaan pendapat dalam perkara yang dibenarkan manakala perpecahan dalam perkara usul atau akidah atau perkara baik buruk yang qat'ie.

Seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, umat Islam dibenarkan berbeza pendapat di dalam perkara-perkara khilafiyyah. Keharusan ini dapat difahami di dalam banyak kata-kata sarjana dan para Imam. Oleh kerana itu, setiap orang mestilah menghormati pendapat yang berbeza dengannya. Perlu diingatkan, perbezaan ini wajib melazimi dalil dan pedalilan yang sahih. Dalam erti kata, ia hendaklah mengikut disiplin Usul Fekah yang menjadi kerangka ilmu bagi sesuatu pendapat itu dhasilkan dan dirumus.

Kedua: perpecahan mencetuskan permusuhan.

Perbezaan pendapat di dalam ruang lingkup dalil adalah perkara yang dibenarkan. Oleh sebab itu, ia tidak boleh menjadi faktor yang mendorong kepada permusuhan dan kebencian. Nas-nas syarak dengan jelas melarang permusuhan sesama muslim.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الحَدِيثِ، وَلَا تَحَسَّسُوا، وَلَا تَجَسَّسُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا (رواه البخاري).

Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi SAW, Baginda bersabda: berwaspadalah dengan bersangka-sangka. Sesungguhnya sangkaan itu bicara yang paling dusta. Jangan kamu mencari-cari perkara yang nampak, mengintip, saling berdengki, saling berpaling, jangan bermusuh. Dan jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara (al-Bukhari, 2016).

Sebaliknya permusuhan adalah sifat kepada perpecahan. Imam al-Nawawi (2009) menyatakan frasa di dalam hadis "Dan janganlah kamu berpecah belah" merupakan perintah melazimi jemaah muslimin dan berkasih sayang yang mana ia menjadi dasar Islam. Maka, perpecahan

akan mencetuskan permusuhan kerana ia adalah lawan kepada jemaah muslimin yang berkasih sayang sesama mereka.

Ketiga: perbezaan pandangan mungkin membawa kepada perpecahan dan mungkin tidak.

Perbezaan pendapat adalah perkara yang biasa terjadi. Malah perbezaan merupakan fitrah kerana manusia diciptakan berbeza dari segi citarasa dan kecenderungan. Oleh itu, bukan semua perbezaan pendapat adalah perpecahan. Walaubagaimanapun, perbezaan pendapat yang tidak dikawal dan dan diuruskan dengan baik akan membawa kepada perpecahan. Oleh sebab itu, para ulama menyebut wujudnya perbezaan pendapat yang terpuji dan perbezaan pendapat yang keji. Salah satu ciri perbezaan yang keji ialah perbezaan pendapat yang membawa kepada perbalahan seterusnya permusuhan.

Keempat: perpecahan menyebabkan kebinasaan.

Nabi SAW telah memberi amaran bahawa perpecahan akan menyebabkan kebinasaan.

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ رَجُلًا قَرَأَ آيَةً، وَسَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ خِلَافَهَا، فَجِئْتُ بِهِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرْتُهُ، فَعَرَفْتُ فِي وَجْهِهِ الكَرَاهِيَةَ، وَقَالَ: كِلَاكُمَا مُحْسِنٌ، وَلَا تَخْتَلِفُوا، فَإِنَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمُ اخْتَلَفُوا فَهَلَكُوا (رواه البخاري).

Dari Ibnu Mas‘ud RA, beliau berkata: aku mendengar seorang lelaki membaca satu ayat dan aku mendengar Nabi SAW membacanya berbeza. Aku membawa orang itu bertemu Nabi SAW dan aku memberitahuNya. Aku tahu melalui muka Baginda ada rasa tidak senang. Baginda bersabda: kedua-dua kamu baik. Jangan kamu berselisih. Sesungguhnya orang sebelum kamu berselisih lalu mereka binasa (al-Bukhari, 2016).

Kebinasaan yang dimaksudkan di dalam hadis adalah umum yang mana ia merangkumi semua bentuk kebinasaan. Seperti mana kaedah tafsir menyebut, pengajaran sesuatu nas dengan umum lafaznya dan bukannya dengan sebab-sebab khusus nas tersebut diucapkan (Khallaf, 2009). Pada zaman moden, negara dan umat Islam berada dalam keadaan berpecah belah. Hal ini menyebabkan masa dan tenaga dihabiskan untuk perbalahan sesama sendiri. Tumpuan tidak dapat diberikan untuk menentang ancaman yang sebenar atau lawan yang lebih utama. Umat Islam mudah dipergunakan dan dilaga-lagakan kerana sudah dipenuhi dengan kebencian. Musuh pula terus fokus merancang dan melaksanakan agenda. Inilah antara maksud kebinasaan yang dinyatakan oleh Nabi SAW yang berpunca daripada perselisihan dan perpecahan.

Penutup

Kesimpulannya, Hadis Nabawi menggariskan empat perkara yang dianggap sebagai perbuatan memecahbelahkan masyarakat dan negara. Pertama: perbezaan di dalam akidah atau usul agama; kedua: tidak berpandukan kepada petunjuk dan dalil daripada al-Quran dan Hadis di dalam iktikad dan amalan; ketiga: perbezaan pandangan yang membawa kepada perbalahan dan permusuhan dan keempat: melawan pemerintah secara bersenjata atau memberontak atau dinamakan di dalam ilmu fekah sebagai *khuruj*. Dalam pada itu, Islam membenarkan perbezaan pendapat. Wujud perbezaan yang ketara di antara kedua-dua istilah ini. Pertama: perbezaan pendapat dalam perkara yang dibenarkan manakala perpecahan dalam perkara usul atau akidah

atau perkara baik buruk yang qat'ie. Kedua: perpecahan mencetuskan permusuhan. Ketiga: perbezaan pandangan mungkin membawa kepada perpecahan dan mungkin tidak. Keempat: perpecahan menyebabkan kebinasaan.

Rujukan

Al-Quran

Abdul Qahir bin Tahir bin Muhammad al-Baghdadi. 1977. *Al-Farq Baina Al-Firaq*. Cet. 2. Beirut: Dar al-A'faq al-Jadidah.

Abdul Wahab Khallaf. 2009. *'Ilm Usul Al-Fiqh*. Cet. 8. Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah.

Abū Dāwūd Al-Ṭayālīsī, Sulaiman bin Dāwūd. 1999. *Al-Musnad*. Cet. 1. Kaherah: Dār Hajar.

Ahmad bin Ali Ibnu Hajar al-Asqalānī. 2011. *Fatḥ Al-Bārī Šarḥ Ṣaḥīḥ Al-Buḫārī*. Cet. 1. Riyadh: Dar al-Taybah.

Aḥmad bin Ḥanbal. 2001. *Al-Musnad*. Cet. 1. Beirut: Mua'ssasah al-Risālah.

Ahmad bin Umar bin Ibrahim Ibnu al-Muzayyin al-Qurtubi. 1996. *Al-Mufhim Lima Ushkila Min Talkhis Sahih Muslim*. Cet. 1. Damsyik: Dar Ibnu Kathir.

Ahmad Mukhtar Umar. 2000. *Al-Mu'jam Al-Arabi Al-Asasi*. Cet. 2. Beirut: Larus.

Ahmad Mukhtar Umar. 2008. *Mu'jam Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Mu'ashirah*. Cet. 1. Beirut: 'Alam al-Kutub.

al-Husin bin Mahmud bin al-Hasan al-Muzhiri. 2012. *Al-Mafatih Fi Syarh Al-Masabih*. Cet. 1. Kuwait: Dar al-Nawadir.

Al-Nawawī, Yaḥyā bin Šaraf. 2009. *Al-Minhāj Fī Šarḥ Ṣahīh Muslim Bin Al-Ḥajjāj*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Duwaliyyah.

Khalil Ahmad al-Sarahanpuri. 2006. *Bazl Al-Majhud Fi Hal Sunan Abi Dawud*. Cet. 1. Muzaffarpur: Markaz al-Sheikh Abi al-Hasan al-Nadawi Li al-Buhuth wa-al-Dirasat al-Islamiyyah.

Muhammad bin Abdul Hadi al-Sindi. 2003. *Kifayah Al-Hajah Fi Syarh Sunan Ibnu Majah*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Fikr.

Muhammad bin al-Husin al-Ajurri. 1950. *Al-Syariah*. Cet. 1. Lahore: Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyyah.

Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhari. 2016. *Al-Jāmi' Al-Musnad Al-Ṣahīh Al-Muḫtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa-Sunanihī Wa-Ayyāmī*. Cet. 1. Karachi: al-Buhsra.

Muhammad bin Mukarram Ibnu Manzur. 2010. *Lisan Al-Arab*. Cet. 3. Beirut: Dar Sadir.

Muslim bin Al-Ḥajjāj. 2006. *Al-Musnad Al-Ṣahih Al-Muḫtaṣar Min Al-Sunan Binaql Al-'Adl 'An Al-'Adl 'An Rasūlillāh SAW*. Cet. 1. Riyadh: Dār al-Ṭaybah.